

**NO. SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI**

**TARIKH : 14 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8567**

**SOALAN:**

**Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pelan Kerajaan untuk memastikan sumber kewangan yang ada digunakan untuk intervensi yang dibuktikan berkesan dalam jurnal saintifik berbanding dengan intervensi tahanan 2 tahun yang sudah berdekad dibiayai Kerajaan dan telah jelas tidak berkesan kerana selama 1 tahun AADK telah kembali ke sistem tahanan mandatori di pusat pemilihan dadah dan menurut 1 kajian, relaps adalah 70% ke 90% bagi tahanan mandatori berbanding rawatan sukarela.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa memantau aspek kepulihan klien di bawah program dalam komuniti bagi kes-kes klien yang dibebaskan dari institusi (pusat pemulihan) dan bagi klien yang berada dalam komuniti. Berdasarkan pemantauan dan penilaian semasa oleh AADK, didapati kadar kepulihan bekas-bekas klien pusat pemulihan adalah antara 55 – 60 peratus berbanding dengan kadar yang *relaps* antara 40 – 45 peratus.**

**AADK melaksanakan kaedah pengukuran kepulihan klien mengikut *evidence-based practices* yang berdasarkan definisi *Principles of Recovery Substance Abuse and Mental Health Services Administration* (SAMHSA). Kaedah ini menggunakan pakai 6 indeks kepulihan iaitu:-**

- i. Penggunaan dadah dan bahan;
- ii. Sokongan Kepulihan
- iii. Pekerjaan
- iv. Kefungsian Sosial
- v. Kesediaan Untuk Berubah.
- vi. Kesihatan Psikologikal dan Mental

**Tuan Yang di-Pertua,**

**AADK melaksanakan dual polisi dalam memberikan perkhidmatan rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah iaitu:**

- i. Secara sukarela di Klinik Cure & Care 1Malaysia;**
- ii. Secara perundangan, di bawah seksyen 6(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 di mana seseorang penagih dadah dikehendaki menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan atau pengawasan dalam komuniti tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun.**

Adalah diakui bahawa proses pemulihan seorang penagih dadah memakan masa yang panjang dan penagihan dadah dianggap sebagai “*a chronic relapsing disease*”. Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap terus berusaha meningkatkan keberkesanan program-program pemulihan penagih dadah.

Bagi penagih-penagih yang ingin mendapatkan perkhidmatan secara sukarela, AADK telah melaksanakan Modul Cure & Care yang berkonsep terbuka dan memberi keutamaan kepada aspek rawatan dan pemulihan. Modul-modul rawatan dan pemulihan yang telah dibangunkan memberi kemudahlenturan kepada klien bagi meningkatkan keupayaan dan ketahanan dirinya kerana modul yang dilaksanakan telah disesuaikan dengan perbezaan di kalangan klien

seperti tahap keparahan penagihan, jenis dadah, umur, jantina, tempoh penagihan dan lain-lain. AADK sentiasa memastikan modul pemulihan yang berasaskan bukti (*evidence-based*) dan amalan terbaik (*best practices*) yang dipraktiskan dalam bidang penagihan dadah secara meluas.

Dalam memastikan keberkesanan program rawatan dan pemulihan yang disediakan, AADK telah menggunakan alat ujian yang telah diiktiraf oleh WHO iaitu:

- a) ASSIST (*Alcohol, Smoking and Substance Involvement Screening Test*) yang merupakan alat saringan untuk mengetahui tahap keparahan penggunaan substans;
- b) ASI (*Addiction Severity Index*) iaitu alat penilaian dalam membantu penyediaan Rancangan Kepulihan Klien (RPK); dan
- c) URICA (*University of Rhode Island Change Assessment Scale*) iaitu alat bagi mengukur tahap perubahan klien dalam proses kepulihan.

Kajian oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2014/2015 terhadap keberkesanan program pemulihan di *Cure and Care Rehabilitation Centre*(CCRC) mendapati majoriti responden yang telah tamat menjalani program di CCRC memberi respon dan penilaian yang tinggi terhadap program di CCRC yang telah

**mereka jalani. Keputusan kajian ini menggambarkan bahawa program di CCRC yang dikendalikan oleh AADK adalah berkesan untuk memulihkan diri individu yang terlibat dengan penagihan untuk terus bebas daripada pengaruh dadah.**

**NO. SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG  
[TEBRAU]**

**TARIKH : 14 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8566**

**SOALAN:**

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan segera yang diambil oleh Kementerian secara usahasama dengan pihak berkuasa negara-negara serantau bagi membanteras keganasan ISIS di negara ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan amat komited untuk menangani isu pengganas termasuklah kumpulan militan Daesh. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak berkuasa negara-negara serantau dan antarabangsa untuk menangani ancaman Daesh termasuklah kawalan sempadan. Antara kerjasama yang telah diadakan ialah:**

- 1) kerjasama dari segi perkongsian maklumatrisikan dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak polis boleh membuat pemantauan rapi dan menjaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut.**
- 2) kerjasama dalam program bina upaya di kalangan pegawai-pegawai penguatkuasa bagi meningkatkan kecekapan mereka dalam mengesan dan membendung kegiatan Daesh.**
- 3) penganjuran program perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam menangani ancaman keganasan termasuklah amalan terbaik dalam memulihkan ideologi pengganas. Sebagai contoh Malaysia telah menganjurkan *International Conference On Deradicalisation And Countering Violent***

***Extremism 2016* yang melibatkan negara-negara ahli ASEAN dan beberapa negara yang lain pada 25 dan 26 Januari 2016 yang lepas.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan juga bercadang untuk mengadakan latihan bersama (*joint exercise*) di kalangan pasukan-pasukan keselamatan negara-negara serantau bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan kecekapan masing-masing dalam menghadapi ancaman Daesh.**

**Ancaman Daesh adalah bersifat global dan tidak ada satu negara pun yang mampu menangani ancaman ini secara bersendirian. Oleh itu, kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa adalah satu pendekatan yang amat baik dan berkesan dalam menangani ancaman Daesh.**

**NO. SOALAN : 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 14 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8762**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pelan tindakan Kerajaan Malaysia secara keseluruhan untuk mengurus kedatangan pelarian Syria di Malaysia demi menjamin kestabilan politik, ekonomi dan sosial masyarakat.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan dasar dan mekanisme bagi pelaksanaan Program Penempatan Sementara Migran Syria di Malaysia. Dasar dan mekanisme tersebut akan dikawal selia oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagai agensi focal bagi pelaksanaan program ini.**

**Bagi program ini, Kerajaan akan memberikan keutamaan kepada rakyat Syria yang telah melarikan diri untuk mendapatkan perlindungan di negara-negara jiran seperti Turki, Lubnan, Jordan, Iraq dan Mesir. Pendekatan ini digunakan kerana adalah sukar bagi Malaysia membantu golongan *Internally Displaced Persons* (IDP) memandangkan akses kepada mereka agak sukar ekoran daripada risiko keselamatan yang amat tinggi dalam negara Syria. Bagi tujuan ini, Kerajaan Malaysia akan bekerjasama dengan Kerajaan di negara hos melalui Kementerian Luar masing-masing bagi proses mengenal pasti prospek migran Syria yang wajar diberi keutamaan untuk dibantu.**

**Kemasukan bagi program ini hanya melibatkan 3,000 migran Syria yang akan dilakukan secara berkelompok mengikut 3 fasa iaitu Fasa Pertama pada tahun 2016, Fasa Kedua pada tahun 2017 dan Fasa Ketiga pada tahun 2018. Selain itu, jumlah**

**keseluruhan (kuota) 3,000 migran Syria yang bakal dibantu turut perlu mengambil kira tanggungan masing-masing.**

Kemasukan migran Syria pada ketika ini hanya memberikan fokus kepada calon yang mempunyai penaja iaitu ahli keluarga atau waris yang telah menetap secara sah di Malaysia serta dapat membuktikan kemampuan menyediakan tempat tinggal dan kemudahan asas yang berkaitan. Penetapan syarat melibatkan penaja ini adalah bagi memastikan kebajikan (*well being*) migran Syria akan terpelihara sepanjang keberadaan mereka di Malaysia.

Dalam hal ini, penglibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO) akan dipertingkatkan lagi bagi membantu dalam memastikan segala pengurusan keperluan kumpulan migran Syria berjalan lancar. Kerajaan akan mengetengahkan kumpulan NGO yang berkaitan sebagai '*main player*' dan berperanan lebih serius dalam proses pengurusan migran Syria ini sepanjang keberadaan mereka di Malaysia. Ini akan membantu Kerajaan dalam aspek penjagaan kesihatan, pendidikan dan kebajikan mereka untuk jangka masa panjang.

Jika melihat kepada aspek keselamatan, Kerajaan akan lebih sensitif dalam menerima migran Syria dengan mempertimbangkan fahaman anutan mereka bagi tujuan faktor keselamatan dan sensitiviti. Namun secara umumnya pelaksanaan program ini dibuat atas prinsip kemanusiaan dan

**non-partisan.** Bagi menjayakan program ini, Kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas yang bertanggungjawab dalam membuat tapisan atau saringan keselamatan ke atas Penaja dan juga migran Syria yang bakal di bawa masuk ke Malaysia.

Penaja yang berminat untuk membawa migran Syria yang disenarai pendek akan disaring oleh Kerajaan menerusi Pasukan Petugas Khas yang mana ahlinya terdiri daripada Agensi Keselamatan sedia ada. Ini juga akan dilakukan ke atas migran Syria yang berpotensi untuk dibawa masuk melalui kerjasama Kerajaan negara hos serta dengan bantuan Malawakil yang berkenaan. Proses saringan ini adalah amat penting dalam memastikan penaja dan migran Syria yang bakal masuk ke Negara ini tidak membawa bersama-sama ideologi keganasan melampau atau mempunyai sebarang elemen dan menjadi ejen kepada pihak Daesh. Ini adalah faktor utama yang akan dilihat dengan teliti oleh Pasukan Petugas Khas tersebut.

Selain itu, Migran Syria yang menyertai program ini turut boleh merujuk kepada agensi Kerajaan yang berkaitan bagi mendapatkan khidmat kaunseling ekoran trauma yang dihadapi.